

Barat cuba gugat kestabilan — PM

KUCHING 20 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan sikap sesetengah negara Barat yang cuba menggugat kestabilan politik dan ekonomi negara ini dengan menuduh Malaysia tidak demokratik.

Katanya, Barat menuduh Malaysia tidak demokratik kerana tidak berlaku pertukaran kerajaan setiap kali pilihanraya dijalankan.

“Mereka kata kita tidak demokratik... kononnya kita tidak menukar kerajaan. Setiap kali pilihanraya, apa yang berlaku ialah kerajaan yang sama telah memerintah sejak merdeka,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menamatkan lawatan rasmi selama dua hari ke Sarawak.

Dr. Mahathir berkata, apa yang berlaku sekarang adalah pilihan rakyat.

“Rakyat bukan sahaja berhak menolak kerajaan yang sedang memerintah tetapi memilih semula kerajaan itu... oleh itu kita demokratik.

“Saya tidak faham kenapa mereka kata kita tidak demokratik hanya kerana kita tidak menukar kerajaan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau yakin sikap Barat untuk melihat kerajaan bertukar adalah bertujuan untuk melihat pelabur tidak datang ke negara ini.

Katanya, ramai yang memerintah melalui sistem demokrasi di Barat tidak senang hati kerana Malaysia mempunyai kerajaan yang kukuh dan disokong oleh majoriti rakyat.

“Mereka lebih suka kalau kita mempunyai kerajaan yang bertukar-tukar setiap kali kita mengadakan pilihanraya.

“Saya tidak tahu sama ada keinginan mereka untuk melihat kita menukar kerajaan setiap kali pilihanraya ialah kerana mereka faham itulah demokrasi atau mereka lebih suka melihat kita lemah,” katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau menganggap negara-negara Barat tidak ingin melihat Malaysia diperintah oleh kerajaan yang kuat yang boleh membuat keputusan yang membawa manfaat kepada rakyat.

Tegas Dr. Mahathir, di Malaysia pembangunan selepas merdeka bukan sahaja jauh lebih pesat sewaktu dijajah malah kadang-kadang lebih pesat dari negara-negara maju lain.

“Ini tidak memberi kesempatan kepada mereka (Barat) untuk mendakwa bahawa keadaan dijajah adalah lebih baik daripada keadaan kita merdeka,